

03/12/1998

Ketua jabatan perlu proaktif

SEREMBAN, Rabu - Semua ketua jabatan di negeri ini perlu mengambil tindakan proaktif menyelesaikan setiap teguran Ketua Audit Negara mengenai kelemahan pengurusan kewangan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan perlu dipanggil memberikan penjelasan mengenai perkara itu.

Sehubungan itu, katanya tindakan tegas juga perlu diambil terhadap pegawai terbabit jika masalah itu berterusan.

"Sebenarnya masalah berkaitan pengurusan kewangan yang menjadi teguran Ketua Audit Negara bukan tidak boleh diselesaikan.

"Ini memerlukan semua pihak memberi perhatian lebih serius terhadap setiap teguran dan menjawab teguran tanpa bertanggungjawab yang boleh menyebabkan teguran bertambah banyak," katanya selepas mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, sendiri memberi perhatian serius terhadap kelemahan pengurusan kewangan.

Katanya, Abdul Halim ketika berjumpa dengannya bulan lalu menyuarakan masalah itu dan meminta setiap ketua jabatan memberi perhatian serius dan menyelesaikan.

Antara kelemahan pengurusan kewangan yang dinyatakannya ialah jabatan kerajaan tidak menghabiskan peruntukan dan laporan kewangan tidak disertakan penyata bank dan bil berkaitan.

Menteri Besar berkata, beliau tidak lagi mahu memberi peringatan berulang kali mengenai perkara itu.

"Kerajaan negeri mahu masalah itu diselesaikan dan tidak berbangkit lagi pada masa depan," katanya.

Sementara itu, katanya tanda pemulihan ekonomi negara mulai kelihatan di negeri ini.

Menurutnya, ini sejajar dengan keyakinan kerajaan ekonomi negara dijangka pulih secara beransur-ansur mulai tahun depan.

(END)